



## **PEMBERITAHUAN**

### **KESEDARAN MENGENAI PENYALAHGUNAAN BANTUAN B40 KEPADA PENERIMA SUBSIDI PAKEJ 5G RAHMAH**

**CYBERJAYA, 24 Oktober 2023** --- Selaras dengan usaha kerajaan untuk mempromosi teknologi 5G di seluruh Malaysia, satu Pakej 5G RAHMAH yang turut menawarkan subsidi sebanyak RM120 seorang bagi golongan B40 telah dilancarkan pada 29 Ogos 2023. Inisiatif ini bertujuan untuk memastikan perkhidmatan 5G dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat, termasuk golongan B40.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) ingin mengingatkan penerima subsidi agar tidak terlibat dengan sebarang aktiviti penipuan atau penyalahgunaan subsidi kerajaan ini. Selain itu, orang ramai juga adalah dinasihatkan agar tidak mudah terpedaya dengan tawaran penjualan apa-apa pakej peranti daripada sumber yang tidak sah atau tidak berlesen.

Penerima subsidi Pakej 5G RAHMAH dinasihatkan menggunakan saluran rasmi penyedia perkhidmatan berpandukan terma yang ditetapkan. Penerima subsidi juga dinasihatkan menghubungi penyedia perkhidmatan telekomunikasi masing-masing sekiranya terdapat sebarang isu mengenai subsidi yang diberikan. MCMC berharap agar semua penerima dapat menggunakan subsidi ini dengan bijak dan bertanggungjawab

**[www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)**